

Persiapan adakan tandingan silat hampir selesai disusun

PARA belia/pencak silat yang bergiat dalam pencak silat akan berpeluang untuk mengambil bahagian dalam pertandingan silat tidak lama lagi bila usaha ke arah itu selesai disusun oleh Persekutuan Seni Silat Singapura (Persisi).

Usaha ke arah menganjurkan pertandingan serupa ini telah lama diura-urakan oleh Persisi, tetapi memandangkan ia merupakan perkara baru yang 'asing' dari kehidupan masyarakat Singapura, kajian yang menyeluruh perlu dilaksanakan dulu.

Kerana itu, rombongan pengenalan pertandingan silat ke Indonesia diadakan tidak lama dulu dan dengan

jalan itu berbagai aspek mengenai soal ini dipelajari oleh pegawai-pegawai Persisi.

Antaranya termasuk soal keselamatan pertandingan, peraturan pertandingan dan unsur-unsur sihat yang perlu dijadikan pegangan setiap peserta.

Meninjau

Semasa mengadakan lawatan balas ke sini, pegawai rombongan Indonesia telah menekankan peri perlunya setiap perguruan silat mengamalkan sikap 'neutral' bersabit dengan jenis-jenis silat yang banyak terdapat.

Seorang pegawai menjelaskan bahawa pertandingan silat tidak harus diibaratkan sebagai pertandingan jenis atau perguruan silat

dengan yang lainnya.

Tetapi, lebih merupakan pertandingan antara seorang pesilat dengan pesilat lain — tanpa mengira jenis silat apa yang dipelajari dan digunakannya dalam pertandingan itu.

Hanya dengan jalan ini sajalah, pertandingan silat dapat dianjurkan dengan teratur dan menanam semangat kesukanan yang sihat. Jika tidak, pasti akan timbul 'perselisihan' faham dan tanggapan terhadap usaha ini.

Peraturan untuk pertandingan silat ini agak rumit dan bercabang-cabang. Adalah dirasakan pada mulanya akan berlaku kebingungan di kalangan berbagai perguruan silat di

sini, tetapi jika ia diterima dengan baik dan dipelajari buat seketika kita akan sampai ke peringkat di mana pertandingan silat akan menjadi satu perkara biasa.

Ditambah dengan kesedaran bahawa "seni silat" dan "olahraga silat" merupakan dua perkara yang tidak boleh disamakan, masalah-masalah yang dijangka timbul di peringkat awal akan dapat diatasi dengan lebih mudah dan segera.

Apa yang perlu ialah pelaksanaannya wajar sekali dimulai dengan seberapa teliti yang termampu dan secara berperingkat-peringkat dan secara pelan-pelan diterima oleh masyarakat — tanpa ragu-ragu.

Tiga aspek seni silat dibentangkan dlm forum

TIGA aspek mengenai seni silat akan dibentangkan dalam forum anjuran Jabatan Pelajaran Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) bertemakan 'Perkembangan Silat Hari Ini' di Dewan Al-Malik Faizal mulai 2.30 petang, 29 Julai ini.

Ketiga-tiga aspek tersebut masing-masing akan dibicarakan oleh wakil-wakil dari Majlis Ugama Islam Singapura, Persisi, Asas 50 dan seorang guru silat tempatan.

Adalah difahamkan wakil dari Muis akan membentangkan kaitan silat dengan agama, seperti penggunaan jampi serapah dalam majlis-majlis silat dan sebagainya.

Wakil Persisi, sebagai badan silat kebangsaan, akan membicarakan kegiatan dan usaha memperkembangkan silat di sini.

Sementara wakil dari Asas 50 akan menghuraikan sejarah silat di sini dan kaitan silat dengan kebudayaan.

Singapura diundang sertai silat Sukan SEA

SINGAPURA telah diundang menghantar satu rombongan silat untuk mengadakan pertunjukan dalam Sukan Asia Tenggara di Jakarta yang akan berlangsung dari 21 hingga 30 September ini. Undangan kepada Persekutuan Silat Singapura (Persisi) telah disampaikan oleh Ikatan Pencak Silat

Indonesia (IPSI) menerusi Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC), minggu lalu.

Undangan kepada Persekutuan Silat Singapura (Persisi) telah disampaikan oleh Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) menerusi Majlis Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC), minggu lalu.

Setiausaha agung Persisi, Encik Johari Urif menerangkan bahawa rombongan silat Singapura ini yang terdiri dari dua orang pegawai dan lapan orang pesilat, akan merupakan sebahagian dari kontingen Republik ini untuk sukan itu.

"Kami akan mengadakan pertunjukan seni silat ketika sukan itu dijalankan kerana tidak ada acara pertandingan silat yang dijadualkan dalam

Dia menerangkan lagi bahawa Persisi akan memilih empat jenis silat untuk pertunjukan sukan itu nanti. Silat-silat itu ialah seni gayung Perwanit, silat cekak, silat kunta Melaka dan silat kuningan.

Bincangan

"Beberapa orang pesilat wanita mungkin dipilih untuk menyertai rombongan silat Singapura ke pertunjukan itu nanti," dia menjelaskan lagi.

Dia menambah bahawa dalam masa yang sama, Persisi akan menghantar tiga orang pegawainya yang terdiri dari naib presidennya, Encik Sidek Saniff, Encik Ariff Zahari dan dia sendiri untuk mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai IPSI mengenai beberapa hal bersama.

Antaranya ialah mengenai pembukuan sejarah silat serantau yang telah diusahakan oleh Persisi, pembentukan persekutuan silat antarabangsa yang telah dipersetujui oleh Indonesia dan Singapura serta mengenai pertandingan silat tiga negara yang telah dimulakan pada tahun lalu di Jakarta.

Persisi dijangka akan menamakan pesilat-pesilat yang akan akan menyertai rombongan ini selepas pencalonan dari badan-badan beberapa jenis silat yang tertentu dibuat.